

BAHAGIAN AKIDAH

TAJUK 1 : KONSEP AKIDAH

1. (a) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.
- (i) Akidah dari segi bahasa ialah (kepercayaan / keinginan) yang kukuh dalam hati.
 - (ii) Keyakinan terhadap akidah yang sempurna lahir daripada kepercayaan yang teguh disertai dengan ucapan dua kalimah (syahadah / tauhid).
 - (iii) Belajar ilmu (akidah / akikah) akan memantapkan keimanan seseorang.

(3 markah)

- (b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Kepercayaan kepada Allah SWT	Kepercayaan kepada Malaikat	Kepercayaan kepada Rasul-rasul	Kepercayaan kepada Kitab
---------------------------------	--------------------------------	-----------------------------------	-----------------------------

- (i) Mentaati dan melaksanakan perintah-perintah Allah SWT.
Jawapan:
- (ii) Melaksanakan segala hukum dan peraturan yang ditentukan oleh Allah SWT seperti menunaikan solat.
Jawapan:
- (iii) Mengikut dan melaksanakan sunnah-sunnah rasul.
Jawapan :

(3 markah)

- (c) (i) Apakah maksud akidah?

.....
.....

(2 markah)

(c) (ii) Senaraikan **tiga** nama lain bagi ilmu akidah.

- 1.
- 2.
- 3.

(3 markah)

(d) (i) Jelaskan **tiga** ciri akidah yang betul.

- 1.
- 2.
- 3.

(3 markah)

(ii) Akidah yang salah ialah iktikad atau kepercayaan yang bercanggah dengan nas syariah daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Nyatakan **dua ciri** akidah yang salah.

- 1.
- 2.
- 3.

(3 markah)

(iii) Terangkan **dua** tujuan mempelajari ilmu akidah.

- 1.
.....
- 2.
.....

(4 markah)

- (e) Pengaruh ajaran sesat seperti ajaran Tuhan Harun yang mengaku dirinya sebagai tuhan semakin menular dalam masyarakat Islam.

Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah cara anda untuk mengelak diri daripada terpengaruh dengan ajaran di atas?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

TAJUK 2 : ASAS AKIDAH ISLAM

2. (a) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Al-Quran ialah wahyu yang diturunkan kepada Nabi (Muhammad SAW / Musa).
- (ii) (As-sam’iyyat / An-nubuwwat) ialah perkara ghaib yang tidak dapat dicapai oleh pancaindera manusia seperti dosa, pahala, syurga dan neraka.
- (iii) Al-Quran dan hadis ialah dua sumber (penting / utama) akidah Islam.

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Al- Uluhiyyat	Ar-Rububiyat	An-Nubuwwat	As-Sam’iyyat
---------------	--------------	-------------	--------------

- (i) Perkara ghaib yang tidak dapat dicapai oleh pancaindera manusia seperti dosa, pahala, syurga dan neraka.

Jawapan:

- (ii) Mentauhidkan Allah SWT sebagai Pencipta, Pemilik dan Penguasa.

Jawapan:

- (iii) Perutusan nabi-nabi dan rasul-rasul yang membawa ajaran Allah SWT untuk disampaikan kepada umat manusia.

Jawapan:

- (iv) Mentauhidkan Allah SWT yang bersifat dengan sifat kesempurnaan. Hanya Allah SWT wajib disembah, ditaati peraturannya dan Allah SWT tempat berdoa dan berharap.

Jawapan:

(4 markah)

(c) (i) Nyatakan **dua** perkara yang merosakkan akidah melalui perkataan.

1.
2.

(2 markah)

(c) (ii) Nyatakan **dua** perkara yang merosakkan akidah melalui perbuatan.

1.

2.

(2 markah)

(iii) Nyatakan **dua** perkara yang merosakkan akidah melalui hati.

1.

2.

(2 markah)

(d) (i) Nyatakan **dua** perkara memantapkan akidah melalui perkataan.

1.

2.

(2 markah)

(ii) Nyatakan **dua** perkara memantapkan akidah melalui perbuatan.

1.

2.

(2 markah)

(iii) Nyatakan **dua** perkara memantapkan akidah melalui hati.

1.

2.

(2 markah)

(e) Amalan yang bertentangan dengan akidah yang benar seperti percaya kepada sihir begitu berleluasa dalam masyarakat Islam hari ini. Pada pandangan anda, bagaimanakah cara untuk mengelakkan diri daripada terpengaruh dengan akidah yang sesat sebagai seorang pelajar?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

TAJUK 3 : KONSEP MUSLIM DAN MUKMIN

3. (a) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Islam adalah agama yang suci dan (lengkap / baik).
- (ii) Islam dapat memimpin manusia ke jalan yang selamat dan (aman / sejahtera) di dunia dan di akhirat.
- (iii) Berdosa sekiranya memberi gelaran yang (baik / buruk) kepada seseorang atau tuduhan yang tidak berasas.

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Iman	Islam	Ikhlas	Ihsan
------	-------	--------	-------

- (i) Mengaku dengan lidah, membenarkan di dalam hatidan mengamalkan segala perintah Allah SWT.

Jawapan:

- (ii) Menyerah diri kepada Allah SWT, tunduk dan patuh kepada perintah-Nya serta membenarkan segala perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW.

Jawapan:

- (iii) Kesungguhan, ketekunan dan keikhlasan dalam melakukan sesuatu ibadah atau pekerjaan semata-mata kerana Allah SWT.

Jawapan:

(3 markah)

(c) (i) Senaraikan **tiga** asas akidah Islam.

1.
2.
3.

(3 markah)

(c) (ii) Apakah maksud muslim?

.....

(2 markah)

(d) (i) Jelaskan **dua** sifat sebagai seorang muslim dan mukmin.

1.

.....

2.

.....

(4 markah)

(ii) Terangkan **dua** cara untuk menjadi seorang muslim dan mukmin yang sejati.

1.

.....

2.

.....

(4 markah)

(e) Pelajar yang bersifat ihsan dalam semua tindakan akan menjadi cemerlang di dunia dan akhirat.

Huraikan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)

TAJUK 4 : RUKUN IMAN DAN TERAS AKIDAH ISLAM

4. (a) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.
- (i) Rukun (Iman / Islam) ialah berkaitan dengan keyakinan dan kepercayaan serta menjadi teras utama akidah.
 - (ii) Orang yang tidak yakin dengan rukun iman akan (terpelihara / terbatal) imannya.
 - (iii) Masyarakat akan menjadi (mundur / maju) sekiranya mempercayai rukun iman.

(3 markah)

- (b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Beriman kepada Allah SWT	Beriman kepada Rasul	Beriman kepada Kitab	Beriman kepada Hari Kiamat
--------------------------	----------------------	----------------------	----------------------------

- (i) Wajib mempercayai keesaan Allah SWT yang memiliki sifat kesempurnaan berdasarkan dalil nakli dan akli.
Jawapan:
- (ii) Wajib mempercayai bahawa Allah SWT telah mengutus rasul-rasul-Nya untuk membimbing umat manusia ke jalan benar.
Jawapan:
- (iii) Wajib beriman bahawa alam ini akan hancur binasa dan manusia akan dibangkitkan semula untuk dihimpun di padang mahsyar dan dimasukkan ke dalam Syurga atau Neraka.
Jawapan:

(3 markah)

- (c) (i) Terangkan **dua** hikmah mempercayai Rukun Iman terhadap diri.
1.
.....
 2.
.....

(4 markah)

(c) (ii) Jelaskan **dua** akibat jika seseorang tidak mempercayai Rukun Iman.

- 1.
.....
- 2.
.....

(4 markah)

(d) Beriman kepada malaikat ialah satu daripada rukun iman yang wajib dipatuhi oleh setiap muslim.

Pada pandangan anda, bagaimanakah pernyataan di atas mendorong anda untuk menjadi murid yang cemerlang?

.....
.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

TAJUK 5 : DALIL KEWUJUDAN ALLAH SWT

5. (a) Gariskan jawapan yang betul di dalam kurungan.

- (i) Manusia ialah makhluk Allah SWT yang paling mulia kerana dikurniakan (akal / otak).
- (ii) Dalam proses kejadian manusia, selepas tempoh 40 hari air mani akan bertukar menjadi darah beku yang disebut sebagai (alaqah / mudghah).
- (iii) Kejadian siang dan malam terjadi disebabkan (matahari / bumi) berputar di atas paksinya.

(3 markah)

(b) Pilih istilah yang betul bagi pernyataan di bawah.

Haiwan

Kejadian manusia

Siang dan malam

Alam syahadah

- (i) Proses yang berlaku secara berperingkat yang berasal daripada nutfah sehingga ditiupkan roh.

Jawapan:

- (ii) Diciptakan untuk makanan dan kegunaan manusia untuk menjalani kehidupan dengan penuh rasa syukur.

Jawapan:

- (iii) Kejadian yang membolehkan manusia menjalani kehidupan dengan lebih sempurna.

Jawapan:

(3 markah)

(c) Jelaskan **dua** cara mensyukuri nikmat kejadian alam.

1.

2.

(4 markah)

(d) Firman Allah SWT:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ.....

Maksud: dan (ingatlah) tatkala tuhan kamu memberitahu “Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya aku akan tambahi nikmatku kepada kamu....”

(Surah Ibrahim : 7)

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah akan terjadi sekiranya tidak beramal dengan ayat di atas dalam kehidupan seharian.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(4 markah)